

## Foton Insurance Package (Kenderaan Persendirian Polisi Komprehensif)

### LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK

**Pelanggan yang Dihormati,**  
Lembaran Pendedahan Produk ini memberikan anda maklumat penting tentang insurans kenderaan anda.

Pelanggan lain telah membaca Lembaran Pendedahan Produk ini dan mendapati ia bermanfaat; oleh itu, kami menggalakkan anda untuk membacanya juga.

Tarikh: 23/01/2026

### 1 Apakah Foton Insurance package?

Foton Insurance Package ialah polisi Insurans Kereta Persendirian Komprehensif yang menyediakan perlindungan tambahan kepada kenderaan anda, khusus untuk kenderaan persendirian Foton Sahaja.

### 2 Ketahui Perlindungan Anda

**Sebagai gambaran,** untuk jumlah **RM 1,561.85** setahun, anda akan menerima perlindungan seperti berikut:

Amaun Diinsuranskan	<b>RM 50,000.00</b>
Kelayakan Diskaun Tanpa Tuntutan (NCD)	<b>0%</b>
* Perlindungan Tambahan (Ini dibeli dengan premium tambahan)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Perlindungan untuk Cermin Depan (<b>RM 1,000</b>)</li> <li>• Liabiliti Penumpang Di Sisi Undang-undang</li> </ul>

#### Polisi anda meliputi:

- Kerugian/kerosakan kepada kenderaan sendiri akibat kebakaran yang tidak disengajakan atau kecurian.
- Liabiliti kepada pihak ketiga akibat kecederaan, kematian & kerugian/kerosakan harta benda.
- Kerugian/kerosakan kepada kenderaan sendiri akibat kemalangan.

#### Polisi motor anda tidak termasuk:

- Kematian anda sendiri atau kecederaan tubuh akibat kemalangan motor.
- Liabiliti anda terhadap tuntutan daripada penumpang dalam kenderaan anda.

#### Nota:

- Sila imbas kod QR di bawah untuk senarai penuh perlindungan asas, pengecualian dan perlindungan tambahan.
- Manfaat yang perlu dibayar di bawah Polisi yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur TIPS PIDM atau hubungi Berjaya Sampo Insurance Berhad atau PIDM (layari [www.pidm.gov.my](http://www.pidm.gov.my)).
- Anda harus membaca dan memahami polisi insurans dan menghubungi ejen atau pihak kami untuk menjelaskan sebarang keraguan sebelum membeli Polisi ini.
- Anda harus memberitahu pihak kami tentang sebarang perubahan dalam maklumat hubungan/peribadi anda bagi memastikan semua surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya. Anda boleh memaklumpkannya kepada cawangan atau Pusat Khidmat Pelanggan kami.
- la adalah satu kesalahan di bawah undang-undang Singapura untuk memasuki negara tersebut tanpa perlindungan liabiliti penumpang bagi insurans motor anda.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan atau memerlukan bantuan tentang insurans motor anda, anda boleh:



**Hubungi Khidmat Pelanggan kami**  
Dalam Malaysia (Talian Bebas Tol):  
1-800-889-933  
Luar Negara: +603-2170 7300



**Hantar e-mel kepada kami di:**  
[customer@bsompo.com.my](mailto:customer@bsompo.com.my)



**Imbas Kod QR di atas**

### 3 Ketahui Tanggungjawab Anda

**Untuk polisi insurans motor ini, anda mesti membayar premium seperti berikut:**

Premium asas	RM 1,561.85
(-) Kelayakan NCD 0%	RM 0.00
(+) Perlindungan tambahan (1) Perlindungan Dipertingkatkan untuk Cermin Depan (RM 1,000) (2) Liabiliti Penumpang Di Sisi Undang-undang <b>(Senarai ini adalah tidak menyeluruh. Sila imbas kod QR di atas untuk mendapatkan senarai penuh perlindungan tambahan.)</b>	RM 130.00 RM 7.50
Premium kasar	RM 1,699.35
(+) Cukai perkhidmatan 8%	RM 135.95
(+) Duti setem	RM 10.00
(+) Komisen / (-) Rebat untuk saluran terus	<b>10% or RM 169.94</b>
<b>Jumlah premium perlu dibayar</b>	<b>RM 1,845.30</b>

**Nota: Jumlah premium yang perlu dibayar mungkin berbeza bergantung pada jumlah diinsuranskan bagi kenderaan, isian padu, kelayakan tuntutan tanpa diskaun (NCD) dan kriteria pengunderaitan lain yang dikenakan oleh Berjaya Sampo Insurance Berhad, sebagai contoh, umur pemegang polisi, umur kenderaan, dsb.**

## MAKLUMAT PENTING YANG ANDA PERLU TAHU

(Nota: Senarai ini adalah tidak lengkap. Sila rujuk kepada Kod QR untuk terma dan syarat penuh di bawah Polisi ini.)

<b>A</b>	Tempoh perlindungan adalah selama satu (1) tahun. Anda perlu memperbaharui perlindungan insurans setiap tahun.
<b>B</b>	Anda mesti menjawab soalan yang dikemukakan dengan lengkap dan tepat. Kegagalan dalam mengambil langkah wajar untuk menjawab soalan mungkin mengakibatkan tuntutan anda ditolak atau Polisi anda dibatalkan.
<b>C</b>	Jika terdapat sebarang penukaran yang mengubah secara material sebarang fakta yang wujud pada tarikh cadangan, anda hendaklah memberi notis bertulis kepada kami dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh perubahan tersebut, dan membayar premium tambahan jika diperlukan.
<b>D</b>	Premium mesti dibayar sepenuhnya sebelum tarikh kuat kuasa Polisi (Pembayaran Sebelum Perlindungan Berkuatkuasa).
<b>E</b>	Pembayaran boleh dibuat secara Tunai, Cek, Kad Debit, Kad Kredit atau Pembayaran Dalam Talian kepada Berjaya Sompo Insurance Berhad. Sila simpan resit premium yang telah dibayar sebagai bukti pembayaran untuk rujukan masa hadapan.
<b>F</b>	Anda perlu memastikan kenderaan anda diinsuranskan dengan nilai yang bersesuaian kerana ia akan memberi kesan kepada jumlah yang anda boleh tuntutan.
<b>G</b>	<p>Sekiranya berlaku kemalangan, anda harus memaklumkan kami dengan secepat mungkin. Anda boleh melakukannya dengan:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>Menghubungi <b>Pusat Panggilan 24 jam</b> kami di 1800 18 8033, atau</li> <li>Meminta bantuan segera di jalan raya melalui aplikasi mudah alih MySOMPO.</li> </ol> <p>Jika kemalangan berlaku di luar Malaysia (contohnya, Brunei atau Singapura), sila hubungi kami di +603 6419 2556.</p> <p><b>Apa yang anda perlu tahu semasa membuat tuntutan?</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Buat laporan polis dalam masa 24 jam dan maklumkan kami dengan segera secara bertulis dengan memberi butiran lengkap.</li> <li>Pembaikan mesti dijalankan oleh <b>Bengkel yang Diluluskan</b> kami jika anda membuat tuntutan kerosakan sendiri terhadap Polisi komprehensif anda sendiri.</li> <li>Jika anda bukan pihak yang bersalah dalam kemalangan tersebut, anda boleh mengemukakan tuntutan sama ada secara terus kepada kami atau pihak yang bersalah, atau jika anda mempunyai Polisi komprehensif, anda digalakkan mengemukakan tuntutan anda kepada kami untuk mempercepatkan pemprosesan tuntutan tanpa kehilangan kelayakan NCD anda.</li> <li>Anda akan kehilangan keseluruhan kelayakan NCD anda sebaik sahaja tuntutan kerosakan sendiri atau pihak ketiga dibuat terhadap Polisi anda.</li> <li>Sewaktu terjadinya kemalangan, jika kereta anda masih di bawah perjanjian Sewa Beli/perjanjian Pinjaman Majikan dengan syarikat/majikan Sewa Beli yang dinamakan dalam Jadual sebagai pemilik, kerugian atau kerosakan pada kereta anda hendaklah dibayar kepada pemilik (syarikat/majikan Sewa Beli). Jika tidak, tuntutan hendaklah dibayar kepada anda.</li> </ul>
<b>H</b>	<p>Anda dikehendaki membaiki kereta anda di mana-mana <b>Bengkel yang Diluluskan</b> kami yang komited untuk menyediakan khidmat pembaikan yang cepat dan berkualiti, dengan tempoh jaminan sehingga 12 bulan:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>Bengkel membaiki kenderaan yang tersenarai dalam panel bengkel yang diluluskan oleh kami; Kami akan memastikan jumlah bengkel yang diluluskan oleh Kami adalah mencukupi untuk menyediakan keselesaan dan kemudahan akses kepada Anda. Senarai <b>Bengkel yang Diluluskan</b> oleh kami boleh didapati di laman web kami: <a href="https://www.berjayasompo.com.my/">https://www.berjayasompo.com.my/</a>. Sekiranya tidak ada panel <b>Bengkel yang Diluluskan</b> di mana-mana lokasi berdekatan semasa berlaku Kejadian, Kami boleh memilih atas budi bicara Kami untuk: <ol style="list-style-type: none"> <li>membantu Anda mengakses bengkel terdekat dalam panel Kami dan mengatur perkhidmatan menunda ke bengkel terpilih tersebut tanpa perlu dibayar oleh Anda; atau</li> <li>membenarkan kenderaan yang rosak tersebut dibaiki di bengkel pembaikan kenderaan berdekatan yang berdaftar dengan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Kami.</li> </ol> </li> <li>Mana-mana bengkel lain yang telah Kami berikan kebenaran khas kepada Anda untuk digunakan. Keadaan di mana kebenaran khas diberikan oleh Kami termasuk: <ol style="list-style-type: none"> <li>tiada <b>Bengkel yang Diluluskan</b> seperti dinyatakan di atas tersedia di lokasi Kereta Anda, dan Kami tidak dapat membantu Anda mendapat akses ke bengkel terdekat dalam panel Kami atau yang berdaftar dengan JPJ;</li> <li>pembaikan yang memerlukan kepakaran khas dari bengkel tertentu yang tidak dapat disediakan oleh <b>Bengkel yang Diluluskan</b>;</li> <li>bengkel francais.</li> </ol> </li> </ol> <p>Kegagalan untuk menghantar kereta anda seperti yang dijelaskan di atas akan dianggap sebagai pelanggaran terhadap syarat polisi dan kami berhak untuk menolak tuntutan anda.</p>
<b>I</b>	<p><b>Lebihan Wajib</b> Lebihan wajib sebanyak RM 400 Polisi Kereta Persendirian adalah jumlah kerugian yang perlu ditanggung oleh anda jika kenderaan anda dipandu oleh pemandu di bawah umur dua puluh satu (21) tahun atau pemegang lesen memandu Sementara (P) atau Pelajar (L).</p> <p><b>Lebihan</b> Ini adalah jumlah kerugian, seperti yang dinyatakan dalam Jadual Polisi, yang perlu ditanggung oleh anda sebagai tambahan kepada lebihan wajib (jika berkenaan), manakala kami akan membayar baki tuntutan anda.</p>

## Bolehkah saya membatalkan Polisi saya?

Ya, anda boleh membatalkan polisi anda pada bila-bila masa dengan memberi notis bertulis kepada kami. Selepas pembatalan, kami akan membayar balik premium mengikut \*Kadar Jangka Pendek Lazim tertakluk kepada bayaran premium sekurang-kurangnya RM 50.00 yang perlu dibayar di bawah polisi dan dengan syarat tiada tuntutan dibuat ke atas Polisi. (\*Sila imbas kod QR di muka surat 1 untuk jadual Kadar Jangka Pendek Lazim.)

### Apakah jenis produk Insurans Am lain yang disediakan?

Polisi Komprehensif Kereta Persendirian.

Berjaya Sompo Insurance Berhad dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.